

KONSEP DAN KEDUDUKAN HADIS QUDSI MENURUT ULAMAK HADIS

(A STUDY OF CONCEPT AND RANKING OF HADITH QUDSI (SACRED) ACCORDING
SCHOLARS IN HADITH)

Prof. Madya Dr Mohd Fauzi Mohd Amin¹
Dr. Abdulloh Salaeh²
Dr. Amran bin Abdul Halim³
Dr. Ahmad Sanusi Azmi⁴

Abstrak

Hadith Qudsi adalah nisbah kepada al-Quds iaitu kesucian al-Tuhru dan al-Nazahah. Iaitu hadith yang dinisbahkan kepada Zat yang maha suci iaitu Allah SWT. Hadith Qudsi pada istilah iaitu setiap apa yang disandarkan oleh Rasulullah secara lafaz atau perkataan kepada Allah SWT dengan secara jelas seperti Qala Allah (Allah telah berkata), Yaqulu Allah (Allah berkata), Inna Ruhul Qudsi Nafasa Fi Rue'I (Sesungguhnya Malaikat Mencampakkan Ilham Ke Dalam Sanubari Ku) Iaitu sesuatu yang difirmankan oleh Allah SWT kepada Nabi SAW dengan melalui ilham atau mimpi, kemudiannya Nabi SAW menyampaikan makna daripada ilham atau mimpi tersebut dengan ungkapan kata-kata baginda sendiri. Ia dinamakan juga sebagai al-Hadith al-Ilahi (الحديث الإلهي) iaitu dinisbahkan kepada Allah SWT atau al-Hadith al-Rabbani (الحديث الرباني) iaitu dinisbahkan kepada al-Rab. Bilangan hadith qudsi tidak banyak. Ulamak hadith telah berusaha menghimpunkannya di dalam kitab yang khusus tentangnya. Seperti Ibn Taimiyyah telah mengumpulkan sejumlah hadith-hadith qudsi dalam kitabnya Al-Kalimu Thayyib. Begitu juga Dr. Ahmad al-Syarbasy telah menyusun sebuah kitab yang terkandung di dalamnya hadith-hadith qudsi dengan diberi nama Adabul Al-Ahadith Al-Qudsiyyah. Hadith qudsi boleh dikategorikan sahih, hasan, dhoef dan maudu'. Terdapat beberapa perbezaan di antara Hadith Nabawi dan Hadith Qudsi, antaranya ialah Daripada sudut isnad (إسناد), Hadith Qudsi dinisbahkan kepada Rasulullah SAW sebagai pencerita (مخبر) dan dinisbahkan kepada Allah SAW sebagai orang yang berkata. Sebaliknya Hadith nabawi dinisbahkan kepada Rasulullah SAW sebagai orang yang bersabda. Dari sudut makna Hadith Qudsi adalah wahyu daripada Allah SWT sebaliknya hadith Nabawi sebahagian besar daripadanya adalah wahyu dan sebahagian daripadanya adalah ijtihad Rasulullah SAW dan sekiranya ijtihad ini salah, ia akan dibetulkan oleh wahyu. Perbezaan antara hadis Qudsi dengan Al-Quran ialah Isi kandungan, lafaz-lafaz, ayat-ayat dan susunan kalimah al-Quran adalah mukjizat dan melemahkan musuh atau manusia yang menandinginya, sedangkan hadith qudsi tidak seperti yang demikian. Al-Quran lafaz dan maknanya daripada Allah SWT, sedangkan hadith qudsi lafaznya daripada nabi dan maknanya dari Allah.

Keywords: *Al-Qudsi, Isnad, Al-Nabawi*

¹ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Tel: 0163010406 E-mail: fauziamin@usim.edu.my

² Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Tel: E-mail: 01114361438 abdulloh@usim.edu.my

³ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Tel: 019-9100879 E-mail: amranabdulhalim@usim.edu.my

⁴ Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Tel: 019-2857940 E-mail: sanusi@usim.edu.my,

ABSTRACT

Sacred hadiths are pledged to the al-Quds which is synonyms to the word of purity al-Tuhru and al-Nazahah thus attributed to the Zat (substance) of Allah. It is named also as Hadith al-Illahi (حديث إلهي) because it referred straight to Allah s.w.t or Hadith al-Rabbani (حديث الربني) because it mention to Rabb (Allah). Sacred hadith is a term used which signifies that the meaning of the hadith is from Allah s.w.t and the words are related from the Messenger of Allah for an example there is matn (text of hadith) mentioned: Qala Allah (Allah said), Yaqulullah (Allah is saying) or Inna Ruhul Qudsi Nafasa fi Rue'I (Indeed, the angel has cast an inspiration to my heart). This is commanded through his dream or inspiration then he delivers the messages through his own words. But, the amount of these Hadiths Qudsi is less than other hadiths. Thus, the scholars of hadith are putting an effort to gather all these hadiths in specific books. Ibnu Tamiyyah collected these hadiths in his book entitled "al-Kalimu Thayyib". Other than that, Dr Ahmad al-Sharbashy in his book entitled "Adabul Al-Ahadith Al-Qudsiyah" also collected these sacred hadiths. Hadiths Qudsi are categorized into Shahih, Hasan, Dhoef, Maudu'. There is differentiation between Hadith Qudsi and Hadith Nabawi in order of Isnad (Narration of Hadith). It is refers to Rasulullah SAW as narrators (مخبر), and the meaning belong to Allah SWT meanwhile the word and meaning from hadiths Nabawi is belong to Rasulullah SAW himself. Also than that, there is comparison between hadith Qudsi and Quran which the words and the meanings of the Quran are from Allah s.w.t whereas Hadith Qudsi does not necessarily contain the exact words of Allah s.w.t. The Quran is a miracle and it challenges us to bring a single verse similar to the verses of the Quran. The Hadith Qudsi does not have such a level of miraculous.

Keywords: *Qudsi, Isnad, Nabawi*

2017 GBSE Journal

Pendahuluan

Hadith dari segi bahasa mengandungi beberapa makna, iaitu baharu (*al-Jadid*) lawan kepada lama (*al-Qadim*), ia juga bermakna peristiwa atau sesuatu kejadian yang berlaku, atau makna berita, makna kisah dan percakapan. Hadith menurut istilah pula ialah "Setiap apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW seperti perbuatan, percakapan, pengakuan, sifat kejadian, akhlak, samada dalam gerak geri, diam, samada dalam sedar dan mimpi baginda, juga dikaitkan dengan apa yang disandarkan kepada sahabat atau pun tabieen yang bukan perkara ijtihad atau pendapat, periwayatannya, kedhabitannya dan penyaringan lafaz-lafaznya"⁵. Hadith merupakan sumber hukum dalam Islam selepas al-Quran al-Karim, terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa hadith adalah sumber hukum dalam Islam selepas al-Quran. Selepas keduanya diikuti dengan *al-Ijma'*, *al-Qiyas*, *al-Istihsan*, dan *al-Masalih al-Mursalah*.

Ulama hadith telah membuat pembahagian hadith di sudut punca keluarnya hadith kepada dua iaitu hadith qudsi dan hadith nabawi. Hadith nabawi adalah berpunca daripada nabi SAW sepenuhnya di sudut lafaz dan maknanya, sedangkan hadith qudsi adalah maknanya berpunca daripada Allah SWT yang dilafazkan oleh nabi SAW, hadith qudsi tidak semuanya sahih, namun ia ada yang bertaraf hasan, dhaif dan palsu, iaitu tertakluk kepada syarat-syarat kesahihan hadith. Penjelasan tentang konsep, hukum, perbandingan dengan al-Quran dan hadith nabawi, contoh-contoh dan pembahagian hadith qudsi akan dihuraikan dalam bab berikutnya.

⁵ Dr. Abdul Mawjud Mohammad Abdul Latif. 1989. *al-Nahju al-Muktabar*. Kaherah. Dar al-Taba'ah. Hlm 21.

Konsep Hadith Qudsi

1- Pengertian Hadith Qudsi (الحديث القدس)

Pengertian hadith qudsi pada bahasa:- Al-Qudsi adalah nisbah kepada *al-Quds* iaitu kesucian *al-Tuhru* dan *al-Nazahah* sebagaimana yang disebutkan di dalam *al-Qamus al-Muhit*⁶.

Hadith Qudsi Iaitu hadith yang dinisbahkan kepada Zat yang maha suci iaitu Allah SWT⁷. Dialah Tuhan yang ternafi daripada segala sifat kekurangan dan daripada apa yang tidak layak bagiNya.

Pengertian hadith qudsi pada istilah:- Iaitu setiap apa yang disandarkan oleh Rasulullah SAW secara lafaz atau perkataan kepada Allah SWT dengan secara jelas seperti *Qala Allah* (Allah telah berkata), *Yaqulu Allah* (Allah berkata), *Inna Ruhul Qudsi Nafasa Fi Rue'I* (Sesungguhnya Malaikat Mencampakkan Ilham Ke Dalam Sanubari Ku) atau berkata Sahabat: daripada Rasulullah SAW apa yang diriwayatkan daripada tuhanNya atau seumpamanya⁸.

Maksudnya ialah sesuatu yang difirmankan oleh Allah SWT kepada Nabi SAW dengan melalui ilham atau mimpi, yang kemudiannya Nabi SAW menyampaikan makna daripada ilham atau mimpi tersebut dengan ungkapan kata-kata baginda sendiri. Iaitu Hadith yang disampaikan kepada kita oleh Rasulullah SAW dan disandarkan hadith tersebut kepada Allah SWT.

Hadith ini dinamakan juga sebagai *al-Hadith al-Ilahi* (الحديث الالهي) iaitu dinisbahkan kepada Allah SWT atau *al-Hadith al-Rabbani* (الحديث الرباني) iaitu dinisbahkan kepada *al-Rab*.

Menurut ulamak bilangan hadith qudsi tidak banyak, iaitu hanya berjumlah sekitar dua ratus hadith sahaja⁹. Ulamak hadith telah berusaha menghimpunkannya di dalam kitab yang khusus tentangnya. Seperti Ibn Taimiyyah telah mengumpulkan sejumlah hadith-hadith qudsi dalam kitabnya *Al-Kalimu Thayyib*. Begitu juga Dr. Ahmad al-Syarbashy telah menyusun sebuah kitab yang terkandung di dalamnya hadith-hadith qudsi dengan diberi nama *Adabul Al-Ahadith Al-Qudsiyyah*.

Hukum Hadith Qudsi

Apabila disebut sahaja Hadith Qudsi bukanlah secara langsung menunjukan sesuatu hadith itu bertaraf sahih. Namun hadith qudsi boleh dikategorikan sahih, hasan, dhoef dan maudu'. Kerana kedudukannya dinilai berdasarkan penilai sanad hadith, jika memenuhi syarat-syarat hadith sahih maka hadith qudsi tersebut hukumnya adalah sahih dan jika tidak memenuhi syarat-syarat hadith sahih atau hasan maka hukumnya adalah doef. Iaitu dengan melihat kepada kaedah yang ditentukan oleh ulamak hadith untuk menilai sesuatu hadith, menilai hadith qudsi sama seperti kaedah yang dilakukan untuk menilai hadith nabawi dalam menentukan samada sahih, hasan dan dhoif.

Kita dituntut ketika meriwayatkan hadith qudsi agar dapat memastikan terlebih dahulu tentang kesahihan dan statusnya berdasarkan kaedah yang sama dalam menilai hadith nabawi. Jika ia menepati syarat hadith sahih maka ia adalah hadith sahih dan jika sebaliknya maka ia adalah hadith dhoif.

⁶ Fairuz Abadi. *al-Qamus al-Muhit*. Percetakan al-Maimaniah Mesr. Juz1. Hlm 248.

⁷ Mahmud Tahhan. *Taisir Mustalah al-Hadith*. Dar al-Turath Kuwait.1984. Hlm 127.

⁸ Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi. *Ulum al-Hadith Asiluha Wa Mua'siruha*. 2011. Darul Syakir. Hlm 120.

⁹ Mohd Fauzi Mohd Amin. *Al-Sa'yu al-Hathis Fi Ma'rifati Ulum al-Hadith*. 2016. Darul Syakir. Hlm 51.

Kehujahan Hadith Qudsi Dan Hadith Nabawi

Hadith qudsi dan hadith nabawi kedua duanya adalah bersumberkan wahyu daripada Allah SWT, ini berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadith.

Antara Firman Allah SWT berkenaan kehujahan hadith qudsi dan hadith nabawi ialah:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ . إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya: *Dia (Muhammad) tidak memperkatakan sesuatu yang berhubungan dengan perkara agama menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri, segala apa yang diperkatakan (sama ada al-Quran atau al-Hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan*¹⁰.

(Surah al-Najm 53:3-4)

Antara hujah dan dalil daripada hadith ialah sabda Rasulullah SAW:-

عَنِ الْمُفْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرَبٍ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ قَالَ: "أَلَا إِنِّي أُوتِيْتُ الْكِتَابَ وَمِثْلَهُ مَعَهُ، أَلَا يُوشِكُ رَجُلٌ شَبَعَانٌ عَلَىٰ أُرَيْكِيهِ، يَقُولُ: عَلَيْكُمْ بِهَذَا الْقُرْآنِ فَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَلَالٍ فَأَجْلُوهُ وَمَا وَجَدْتُمْ فِيهِ مِنْ حَرَامٍ فَحَرِّمُوهُ، أَلَا لَا يَجِلُّ لَكُمْ لَحْمُ الْجِمَارِ الْأَهْلِيِّ وَلَا كُلُّ ذِي نَابٍ مِنَ السَّبْعِ وَلَا لُقْطَةٌ مُعَاهِدٍ، إِلَّا أَنْ يَسْتَعْنِي عَنْهَا صَاحِبُهَا، وَمَنْ نَزَلَ بِقَوْمٍ فَعَلَيْهِمْ أَنْ يَقْرُوهُ فَإِنْ لَمْ يَقْرُوهُ فَلَهُ أَنْ يُعَقِّبَهُمْ بِمِثْلِ قِرَاهُ". (رواه أبو داود. كتاب السنة. في لزوم السنة).

Maksudnya: *Sesungguhnya diberikan kepadaku kitab (al-Quran) dan yang sama dengannya ialah yang ada padaku (al-Hadith) awasilah orang yang berehat atas tilam (orang yang tidak malu menuntut ilmu dengan sedalam-dalamnya) akan berkata: "Berpegang teguhlah kamu dengan al-Quran, apa-apa yang kamu dapat di dalamnya halal maka halalkanlah dan apa-apa yang kamu dapati di dalamnya haram, maka haramkanlah*

Diriwayatkan oleh Abu Dawud¹¹

Nas al-Quran dan al-Hadith di atas adalah jelas menunjukkan bahawa al-Hadith juga datangnya daripada sumber wahyu, dan ia bukan percakapan biasa yang hanya menurut kemahuan Rasulullah SAW sahaja, kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan ijihad Baginda SAW. Hadith di atas adalah amaran kepada mereka yang mengenyepikan hadith dan sunnah Rasulullah SAW dan hanya berpegang dengan al-Quran al-Karim semata-mata. Seseorang itu dianggap membelakangkan perintah Allah dan perintah Rasulullah (sebagaimana ianya terkandung dalam Hadith) apabila ia berpegang dengan hanya kepada al-Quran semata-mata. Tambahan pula tanda berimannya seseorang itu kepada Rasulullah SAW ialah dengan mentaati perintah dan ajarannya.

Imam Syafie' dalam kitabnya *al-Risalah* telah mentafsirkan perkataan *al-Hikmah* yang terdapat di dalam beberapa ayat al-Quran dengan pengertian al-Sunnah¹².

Seperti Firman Allah SWT.

رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ

¹⁰ Surah al-Najm 53:3-4

¹¹ Abu Dawud. *Sunan Abu Daud*. Kitab Al-Sunnah. Bab *Luzum al-Sunnah*. Juz 4. Hlm 200.

¹² Muhammad A'jjaj Khatib. *Usul al-Hadith*. 1981. Darul Fikr Bairut. Hlm 39.

Maksudnya: *Wahai Tuhan kami! Utuskanlah kepada mereka seorang Rasul daripada kalangan mereka sendiri yang akan membaca kepada mereka ayat-ayatMu dan mengajarkan mereka isi-isi kandungan Kitab al-Quran dan al-Hikmah (al-Sunnah).*

(Surah al-Baqarah 2:129)

Imam Syafi'e dalam menguatkan hujahnya mengatakan bahawa al-Sunnah (al-Hadith) adalah antara pemberian Allah kepada RasulNya SAW sebab itulah yang dimaksudkan dengan al-Hikmah yang disebut selepas al-Kitab seperti terdapat dalam ayat al-Quran ini ialah al-Sunnah (al-Hadith).

Ibn Hajar al-Haythami berpendapat bahawa ucapan yang disandarkan kepada Allah SWT boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu¹³:

1. Al-Quran. Pengertiannya pada bahasa ialah himpunan atau mengumpulkan. Al-Qiraah: Menghimpunkan huruf dan kalimah-kalimah antara satu sama lain di dalam pembacaan (tartil). Al-Quran pada asalnya seperti Al-Qiraah iaitu kata terbit قرأ Qaraa, قرأه Qiraah, قرآننا Quraanan, iaitu kata terbitan (*masdar*) dengan imbangان فعلان¹⁴.

Al-Quran di sudut istilah ialah: Kalam Allah yang mengandungi mukjizat, yang diturunkan kepada penyudah segala nabi dan rasul (Nabi Muhammad SAW), dengan perantaraan Malaikat Jibril, ditulis dalam mushaf, disampaikan kepada kita secara mutawatir, membacanya adalah satu ibadat dan dimulai dengan surah Al-Fatihah dan diakhiri dengan surah An Nas¹⁵.

Kitab Al-Quran, diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad S.A.W dalam bahasa Arab. Al-Quran merupakan kitab terakhir diturunkan oleh Allah kepada rasulNya yang terakhir iaitu Nabi Muhammad S.A.W dan mengesahkan kitab-kitab yang terdahulu turun daripadanya. Al-Quran mengandungi saranan-saranan supaya manusia mengalihkan pandangan agar memikirkan kejadian Allah SWT di langit dan di bumi, bagi memperolehi bukti kewujudan dan kekuasaan Allah, serta untuk mengenal segala sifat-sifat Allah SWT.

Selain itu dalam Al-Quran Allah SWT menerangkan kepada kita berita-berita dan peristiwa umat yang terdahulu serta pengajaran-pengajaran yang terdapat di dalamnya dan menjelaskan kepada kita tentang ulama-ulama agama yang terdahulu telah menyelewengkan kitab-kitab yang diturunkan kepada nabi-nabi mereka. Al-Quran juga menerangkan hukum-hukum syarak yang sesuai dilaksanakan pada setiap tempat dan sepanjang zaman, sesuai bagi semua umat. Al-Quran adalah penunjuk jalan yang dapat menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat, serta mengajak manusia kepada akhlak-akhlak yang mulia seperti sabar, bersifat benar, pemurah, amanah, adil, mengajak kepada makruf, melarang melakukan kemungkaran dan sebagainya. Al-Quran juga ada memberitahu tentang sumber-sumber alam dan rahsia-rahsia kejadian yang boleh diterokai oleh kajian-kajian ilmiah seperti kegunaan air dan angin.

2. Kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi-nabi sebelum Nabi Muhammad SAW, yang belum diseleweng dan diubah. Kitab-kitab ini mengandungi suruhan dan larangan, keterangan halal dan haram, peringatan, janji dan ancaman Allah ke atas makhluk-Nya.

¹³ Jamaluddin Al-Qasimi. *Qawaid Tahdith*. Darul Kutub Ilmiah Bairut. 1979. Hlm 65.

¹⁴ Manna' Al-Qattan. *Mabahith Fi Ulum Al-Quran*. Maktabah Wahbah Kaherah. 1995. Hlm15.

¹⁵ Muhammad Ali Al-Sabuni. *Al-Tibyan Fi Ulum Al-Quran*. 1390 H. Dar Umar Al-Khattab Iskandariah. Hlm10.

Kitab-kitab tersebut adalah kitab Injil diturunkan kepada Nabi Isa dalam bahasa Suryani, kitab Zabur diturunkan kepada Nabi Daud dalam bahasa Ibrani, kitab Taurat diturunkan kepada Nabi Musa dalam bahasa Qibti

Antara perkara yang diterangkan dalam kitab Taurat ialah hukum syariat dan aqidah. Keimanan yang sebenar dan diredhai Allah S.W.T. Kitab ini juga menjelaskan tentang kebangkitan seorang nabi dan rasul yang terakhir daripada keturunan Nabi Ismail putera Nabi Ibrahim a.s. yang akan membawa syariat baru dan menasakhkan syariat-syariat yang terdahulu. Selain itu, kitab Taurat ini juga ada menerangkan tentang syurga, neraka, kebangkitan selepas mati, perhitungan amal baik dan jahat, mahsyar, timbangan amal (mizan) dan lain-lain yang berkaitan dengan persoalan hari kiamat.

Dalam kitab Injil diterangkan perintah-perintah Allah S.W.T dengan menyuruh manusia agar mentauhidkan Allah dan melarang mereka menyekutukan Allah dengan sesuatu perkara atau dengan makhluk-makhluk lain. Dalam kitab Injil ini juga ada didapati keterangan akan dibangkitkan seorang nabi dan rasul yang dimaksudkannya ialah Nabi Muhammad S.A.W.

Dalam kitab Zabur memuatkan fatwa-fatwa dan nasihat-nasihat, juga peringatan-peringatan yang mesti dijalankan oleh umatnya. Kitab ini tidak memuatkan syariat Allah dan hukum-hukum agama kerana Nabi Allah Daud a.s. hanya diperintahkan oleh Allah S.W.T mengikut syariat Nabi Musa a.s. yang lebih awal daripadanya¹⁶.

3. Hadith Qudsi. Perkataan al-Qudsi dinisbah kepada al-Quds yang menunjukan kepada keagungan (*al-Ta'dzim*) dari sudut bahasa bermakna suci (*al-Tahru*) dan (*al-Tanzih*) atau keberkatan (*al-Barakah*)¹⁷.

Sementara dari sudut istilah sebagaimana yang penulis sebutkan di atas Hadith Qudsi ialah kalam Allah yang disampaikan kepada Nabi Muhammad SAW melalui mimpi, ilham atau melalui malaikat Jibril AS dan kemudian Rasulullah SAW menyampaikan Hadith tersebut kepada umatnya dengan lafaz Baginda sendiri.

Ciri-ciri Dan Sifat-sifat Hadith Qudsi

Hadith qudsi biasanya terdapat ciri-ciri yang boleh dikenali, iaitu dengan terdapatnya kalimah seperti berikut:-

a- Menggunakan lafaz: *Qaala Allahu 'Azzawajalla* atau *Yaquulu Allah*
(قال الله عزوجل)

b- Menggunakan lafaz: *Fi Ma Yarwiihi 'Ani Allahi Tabaaraka Wata'ala*
(في ما يرويه عن الله تبارك وتعالى)

c- Lafaz-lafaz lain yang sama makna dengan apa yang tersebut di atas. Sedangkan hadith-hadith nabawi tiada tanda atau ciri-ciri yang demikian.

Hadith Qudsi diriwayatkan dengan dua cara iaitu:

1- Disebutkan oleh periwayat seperti berikut:
(في ما يرويه عن الله تبارك وتعالى)

Terjemahan: *Bersabda Rasulullah SAW tentang perkara yang diterimanya dari Tuhannya.*

Contoh Hadith Qudsi bagi cara ini:

1- Contoh kata Nabi dengan *Rawa A'n Allah Tabaraka Wataala*

¹⁶Muhammad Ahmad Yusuf Qasim. *Al-I'jaz al-Bayani Fi Tartib Ayat al-Quran*. 1979. Al-Azhar. Hlm 96.

¹⁷Manna' Al-Qattan. *Mabahith Fi Ulum Al-Quran*. Maktabah Wahbah Kaherah. 1995. Hlm21.

عن أبي ذر، عن النبي صلى الله عليه وسلم، فيما روى عن الله تبارك وتعالى أنه قال – يا عبادي! إنني حرمت الظلم على نفسي وجعلته بينكم محرماً - فلا تظالموا....

Daripada Abu Zar daripada Rasulullah SAW yang diriwayatkan dari Tuhannya bahawa Dia berfirman: "*Wahai hamba-hamba-Ku, sesungguhnya aku telah mengharamkan kezaliman atas diri-Ku. Dan Aku telah menjadikannya perkara yang diharamkan sesama kamu, maka janganlah kamu membuat kezaliman*"¹⁸. (Sahih Muslim no: 2577).

2- Contoh kata Nabi dengan *Fima Yarwi A'n Rabbihi*

عن ابن عباس رضي الله عنهما، عن النبي صلى الله عليه وسلم فيما يروى عن ربه عز وجل، قال: قال: "إن الله كتب الحسنات والسينات، ثم بين ذلك فمن هم بحسنة فلم يعملها، كتبها الله له عنده حسنة كاملة، فإن هو هم بها فعملها كتبها الله له عنده عشر حسنات إلى سبع مائة ضعف إلى أضعاف كثيرة، ومن هم بسينة فلم يعملها، كتبها الله له عنده حسنة كاملة فإن هو هم بها فعملها كتبها الله له سئة واحدة". البخاري. كتاب الرقاق. باب من هم بحسنة أو بسينة.

Maksudnya: *Ibn Abbas meriwayatkan daripada nabi SAW yang meriwayatkan daripada Allah 'Azzawajalla. Sabdanya: "Sesungguhnya Allah menulis segala amal kebajikan dan amal kejahatan, kemudian Allah menerangkan hal tersebut iaitu sesiapa bercita-cita hendak melakukan suatu kebajikan kemudian tidak jadi dilaksanakannya, Allah menulis baginya suatu kebajikan yang sempurna tetapi ia melakukannya Allah membalas dengan sepuluh kebajikan sampai berganda tujuh ratus. Sebaliknya sesiapa yang bercita-cita hendak melakukan sesuatu kejahatan dan tidak dilakukannya, Allah membalas suatu kebajikan yang sempurna tetapi apabila ia melakukannya, Allah menulis baginya satu kejahatan sahaja."*

Diriwayatkan oleh al-Bukhari¹⁹

3- قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ اللَّهُ-

Terjemahan: *Bersabda Rasulullah SAW: 'Telah berfirman Allah Taala (atau berfirman Allah Taala)'*.

Contoh hadith Qudsi bagi cara yang kedua ini:

4-

عن أبي صالح الزيات، أنه سمع أبا هريرة رضي الله عنه، يقول: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ، إِلَّا الصِّيَامَ فَإِنَّهُ لِي، وَأَنَا أَجْزِي بِهِ، وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ، وَإِذَا كَانَ يَوْمَ صَوْمِ أَحَدِكُمْ فَلَا يَزِفْتُ وَلَا يَصْحَبُ، فَإِنْ سَابَهُ أَحَدٌ أَوْ قَاتَلَهُ، فَلْيُقَلِّ: إِنِّي أَمْرٌ صَائِمٌ، وَالَّذِي نَفْسٌ مَحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَأُخْلِفَنَّ فِي الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ، لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا: إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ، وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ" (البخاري. كتاب الصوم. باب هل يقول إنني صائم إذا شتم)

Maksudnya: Allah SWT telah berfirman *Semua amalan anak Adam itu dilakukan kerananya sendiri dan untuk mereka kecuali ibadat puasa kerana ibadat puasa itu dilakukan semata-mata keranaKu. Dengan itu aku akan membalasnya sendiri (dengan sebesar-besar balasan), sesungguhnya puasa itu menjadi pelindung dan ketika berpuasa dikalangan kamu maka janganlah melakukan melakukan kejahatan dan sekiranya dicaci ke atas kamu atau membunuhnya maka katakanlah "aku orang yang berpuasa, sesungguhnya diri Muhammad*

¹⁸ Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab *Tahrim al-Zulm*. Juz 4. Hlm 1994 Hadis no. 2577.

¹⁹ Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab *al-Raqaq*. Bab *Manhum Bihasanatin Au Bisayahtin*. Juz 8. Hlm 103

dibawah kekuasaannya bau mulut orang yang berpuasa lebih wangi di sisi Allah daripada wangi misk. Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan. Iaitu ketika dia berbuka ia gembira dan ketika bertemu dengan tuhanNya ia bergembira dengan puasanya.

Diriwayatkan oleh al-Bukhari²⁰

عن أبي هريرة رضي الله تعالى عنه قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم: يقول الله تعالى:- "أنا عند ظن عبدي بي، وأنا معه إذا ذكرني، فإن ذكرني، في نفسه ذكرته في نفسي، وإن ذكرني في ملأ ذكرته في ملأ خير منهم، وإن تقرب إلي شبرا تقربت إليه ذراعا، وإن تقرب ذراعا تقربت إليه باعا، وإن أتاني يمشي أتيته هرولة". (البخاري. كتاب التوحيد، باب قول الله تعالى ويحذركم الله نفسه)

Sabda Baginda lagi:-

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللَّهَ يَقُولُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: أَيُّنَ الْمُتَحَابِّونَ بِيَوْمِ الْيَوْمِ، أَظْلُهُمْ فِي ظِلِّي يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا لِي". (رواه مسلم. كتاب البر والصلة والأدب. باب في فضل الحب في الله).

Bermaksud: Allah akan berfirman pada hari kiamat nanti: Dimana mereka yang berkasih sayang kerana Ku. Pada hari ini aku akan menaungi mereka dengan naunganKu dimana tidak ada naungan lain pada hari itu melainkan naunganKu²¹.

PERBEZAAN DI ANTARA HADITH QUDSI DENGAN AL-QURAN DAN HADITH NABAWI

Perbezaan di antara Hadith Nabawi dan Hadith Qudsi

Terdapat beberapa perbezaan di antara Hadith Nabawi dan Hadith Qudsi, antaranya ialah seperti berikut:

- 1- Daripada sudut isnad (إسناد), Hadith Qudsi dinisbahkan kepada Rasulullah SAW sebagai pencerita (مخبر) dan dinisbahkan kepada Allah SWT sebagai orang yang berkata. Sebaliknya Hadith nabawi dinisbahkan kepada Rasulullah SAW sebagai orang yang bersabda.
- 2- Dari sudut makna Hadith Qudsi adalah wahyu daripada Allah SWT sebaliknya hadith Nabawi sebahagian besar daripadanya adalah wahyu dan sebahagian daripadanya adalah ijtihad Rasulullah SAW dan sekiranya ijtihad ini salah, ia akan dibetulkan oleh wahyu.
- 3- Isi hadith Qudsi pada kebiasaannya ialah membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan zat dan sifat Allah SWT, keluasan rahmatNya, kekuasaanNya serta kebesaranNya, manakala Hadith Nabawi isi kandungannya terdapat juga mengenai perkara-perkara ketauhidan tetapi kebanyakannya membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan dunia dan akhirat hambaNya dan negara, menerangkan hukum halal dan haram serta perkhabaran baik dan buruk²².

Perbezaan Al-Quran Dengan Hadith Qudsi

1- Isi kandungan, lafaz-lafaz, ayat-ayat dan susunan kalimahNya adalah mukjizat dan melemahkan musuh atau manusia yang menandinginya, sedangkan hadith qudsi tidak seperti yang demikian.

²⁰ Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Saum. Bab hal yaqul inni saim iza syi'ta.

²¹ Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab. Bab *Fi fadhli al- Hubbi fi Allah*. Juz 4. Hlm 1988.

²² Abdul Maujud. *Al-Nahju al-Mu'tabar Fi Mustolah Ahli al-Athar*. 1989. Darul al-Taba' al- Muhammadiyah al-Azhar. Hlm 55.

2- Dilarang menyentuh al-Quran ke atas sesaorang yang berhadap kecil dan berhadap besar dan dilarang membacanya ke atas orang yang berhadap besar, sedangkan hadith qudsi tidak ada larangannya seperti demikian.

3- Setiap huruf yang dibaca dari al-Quran mendapat pahala kepada pembacanya sepuluh kebaikan, sebagaimana hadis diriwayatkan oleh al-Tirmizi daripada Abdullah bin Mas'ud bermaksud: Sesiapa yang membaca satu huruf dari Kitabullah maka baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan akan dilipatkan gandakan sepuluh, saya tidak mengatakan (الهم) satu huruf, akan tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf²³. Sebaliknya hadith qudsi tidak seperti demikian.

4- Al-Quran dilarang meriwayatkannya dengan makna sahaja atau menggantikan lafaz yang sinonim dengannya, berbeza dengan hadith qudsi ia diharuskan meriwayatkannya dengan makna.

5- Al-Quran lafaz dan maknanya daripada Allah SWT, sedangkan hadith qudsi lafaznya daripada nabi dan maknanya dari Allah.

6- Ayat-ayat Al-Quran keseluruhannya dinaqalkan dengan penaqalan yang *mutawatir* sedangkan hadith qudsi banyak yang berbentuk *ahad* dan sedikit yang berbentuk *mutawatir*.

7- Al-Quran terpelihara daripada penyelewengan dan pemalsuan sedangkan hadith qudsi boleh terdedah kepada pemalsuan atau rekaan.

8- Membaca al-Quran di dalam sembahyang adalah suatu perkara wajib sedangkan hadith qudsi tidak boleh dibaca dalam solat.

9- Al-Quran terhimpun dalam satu kitab, ia dibahagi-bahagikan kepada surah dan di dalamnya dibahagikan pula kepada ayat-ayat, sedangkan hadith qudsi tidak seperti demikian.

10- Al-Quran diperintahkan oleh Nabi SAW agar dicatatkan, serta ditetapkan kedudukan ayat dan surahnya. Sedang Hadits Qudsi tidak dibenarkan dicatat pada peringkat awal.

11- Al-Quran terjamin pemeliharaannya daripada Allah semenjak awal penurunannya dan berkekalan terjamin daripada sebarang perubahan sehingga hari qiamat sebagaimana firman Allah (وإننا له لحافظون) maksudnya (Dan Kami memelihara akannya). Sedangkan hadith qudsi tidak seperti itu.

12- Al-Quran thabit daripada Allah SWT secara pasti (قطعية الثبوت) kerana ia dipindahkan dengan jalan *mutawathir*, sementara hadith qudsi thabit daripada Allah SWT secara *dzan* (ظنية الثبوت) kerana kebanyakan hadith tersebut dipindahkan dengan jalan *ahad*. Oleh itu hadith qudsi boleh jadi diterima (مقبول) ataupun ditolak (مردود).

13- Al-Quran diwahyukan kepada Nabi SAW dengan perantaraan Jibril A.S. Sedangkan Hadits Qudsi kadang-kadang diwahyukan melalui Jibril, atau dengan mimpi atau mungkin juga berupa ilham.

²³ Al-Tirmizi. *Sunan Tirmizi*. Kitab *Fadhail al-Quran*. Bab *Ma Ja Fiman Qara Hirfan Min Al-Quran*. Juz 5. Hlm 25.

14- Kumpulan kalimah dalam al-Quran disebut ayat dan dihimpun menjadi surah. Sedangkan kumpulan kalimat dalam Hadits Qudsi tidak dapat disebut ayat ataupun surah.

Kitab Yang Menghimpunkan Hadith Qudsi Dan Bilangannya.

Hadith qudsi bilangannya tidak banyak, para ulamak berselisih pendapat dalam menentukan bilangan hadith qudsi. Umpamanya Syeikh Abdul Rauf Bin Ali Al-Munawi (W1031 H) telah menyenaraikan 272 hadith qudsi dalam kitabnya *al-Ittihafat al-Saniyyah Bi al-Ahadith al-Qudsiyyah*²⁴.

Abu Abdullah Mustafa Bin Al-A'dawi telah mengumpulkan hadith qudsi sebanyak 185 dengan sanadnya sendiri di dalam kitabnya *al-Sahih al-Musnad Min al-Ahadith al-Qudsiyyah* (الصحيح المسند من الأحاديث القدسية)²⁵

Imam Muhammad bin Ali Ibn al-Arabi al-Taaei (W 638 H) telah menghimpunkan 101 hadith qudsi dalam kitabnya *Misykatu al-Anwar Fima Rawa A'n Allah SWT*.

Abu Nasr Ibn Husayn Ibn Ali al-Husayni al-Bukhari al-Qanuji dalam kitabnya *Hadzirah al-Taqdis wa Zakhirah al-Ta'nis* (حظيرة التقديس وذخيرة التأنيس). Mengandungi 14 kitab dan beberapa bab.

Al-'Allamah Mulla 'Ali al-Qari (W 1014), kitabnya ialah *al-Arbau'na al-Qudsiyyah* (الأربعون القدسية) di dalamnya terhimpun sebanyak 40 hadith qudsi²⁶.

Hukum hadith qudsi, sebagai peringatan penting di sini bahawa bukanlah bermakna hadith qudsi itu semuanya sahih oleh kerana ianya disandarkan kepada Allah SWT, tetapi ia ada yang hasan, dhoif dan maudu'.

Kesimpulan

Hadith Qudsi adalah yang dinisbah kepada *al-Quds* dengan arti kesucian *al-Tuhru* dan *al-Nazahah*. Iaitu hadith yang dinisbahkan kepada Zat yang maha suci iaitu Allah SWT. Hadith Qudsi pada istilah iaitu setiap apa yang disandarkan oleh Rasulullah secara lafaz atau perkataan kepada Allah SWT dengan secara jelas seperti *Qala Allah* (Allah telah berkata), *Yaqulu Allah* (Allah berkata), *Inna Ruhul Qudsi Nafasa Fi Rue'I* (Sesungguhnya Malaikat Mencampakkan Ilham Ke Dalam Sanubari Ku) Iaitu sesuatu yang difirmankan oleh Allah SWT kepada Nabi SAW dengan melalui ilham atau mimpi, kemudiannya Nabi SAW menyampaikan makna daripada ilham atau mimpi tersebut dengan ungkapan kata-kata baginda sendiri. Ia dinamakan juga sebagai *al-Hadith al-Ilahi* (الحديث الالهي) iaitu dinisbahkan kepada Allah SWT atau *al-Hadith al-Rabbani* (الحديث الرباني) iaitu dinisbahkan kepada *al-Rab*. Bilangan hadith qudsi tidak banyak. Ulamak hadith telah berusaha menghimpunkannya di dalam kitab yang khusus tentangnya. Seperti Ibn Taimiyyah telah mengumpulkan sejumlah hadith-hadith qudsi dalam kitabnya *Al-Kalimu Thayyib*. Begitu juga Dr. Ahmad al-Syarbashy telah menyusun sebuah kitab yang terkandung di dalamnya hadith-hadith qudsi dengan diberi nama *Adabul Al-Ahadith Al-Qudsiyyah*. Hadith qudsi boleh dikategorikan sahih, hasan, dhoief dan maudu'. Terdapat beberapa perbezaan di antara Hadith Nabawi dan Hadith Qudsi, antaranya ialah daripada sudut *isnad* (إسناد), Hadith Qudsi dinisbahkan kepada Rasulullah SAW sebagai pencerita (مخبر) dan dinisbahkan kepada Allah SAW sebagai orang yang berkata. Sebaliknya Hadith nabawi dinisbahkan kepada Rasulullah SAW sebagai orang yang bersabda. Dari sudut makna Hadith Qudsi adalah wahyu daripada Allah SWT sebaliknya hadith Nabawi sebahagian besar daripadanya adalah wahyu dan

²⁴ Muhammad A'jjaj al-Khatib. *Usul al-Hadith Ulumihi wa Mustolahihi*. 1981. Darul Fikri Bairut. Hlm 29.

²⁵ Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi. *Ulum al-Hadith Asiluha Wa Ma'siruha*. Hlm 124.

²⁶ Muhammad Abu al-Laith al-Khair Abadi. *Ulum al-Hadith Asiluha Wa Ma'siruha*. Hlm 124.

sebahagian daripadanya adalah ijhtihad Rasulullah SAW dan sekiranya ijhtihad ini salah, ia akan dibetulkan oleh wahyu. Perbezaan antara hadis Qudsi dengan Al-Quran ialah Isi kandungan, lafaz-lafaz, ayat-ayat dan susunan kalimah al-Quran adalah mukjizat dan melemahkan musuh atau manusia yang menandinginya, sedangkan hadith qudsi tidak seperti yang demikian. Al-Quran lafaz dan maknanya daripada Allah SWT, sedangkan hadith qudsi lafaznya daripada nabi dan maknanya dari Allah.

Rujukan

Abu Dawud, Sulayman ibn al-Asy'ath, *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah, t.t.

Abu Muhammad 'Abd al-Muhdi ibn 'Abd al-Qadir, *Turuq Takhrij al-Hadith*. Al-Qahirah: Dar al-I'tisam, 1987.

Al-Bukhari, Muhammd ibn Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*. *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam, 2000.

Al-Mubarakfuri, Muhammad 'Abd al-Rahman, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Syarh Jami' al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

Al-Baghawi, Abu Muhammad al-Husayn ibn Ma'sud al-Fara', *Syarh al-Sunnah*, c. 2. Beirut: Al-Maktab al-Islami, 1983.

Al-Tirmidhi, Muhammad ibn 'Isa, *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Fikr, 1994.

Ibn Kathir, Isma'il ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, c. 1. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah 1998.

Ibn Rajab al-Hanbali, 'Abd al-Rahman ibn Syihab al-Din ibn Ahmad ibn Rajab al-Hanbali, *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*. Beirut: Dar al-Khayr, 1993.

Mustafa al-Bugha, *al-Wafi fi Syarh al-Arba'in al-Nawawiyyah*, c. 8. Dimasyq: Dar Ibn Kathir, 1994.

Mustafa al-Siba'i, *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islami*, c. 4. Beirut: Al-Maktab al-Islami, 1985.

Mohd Fauzi bin Mohd Amin dan Syamsudin Yabi, *Al-Mudkhal ila Mustalah al-Hadith* (Nilai: Fakulti Pengajian Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 2012.

Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, *Al-Sunnah qabl al-Tadwin*, c. 2. Beirut: Dar al-Fikr, 1981. Wa, *Usul al-Hadith: 'Ulumuh wa Mustalahuh*, c. 4. Beirut: Dar al-Fikr, 1981.

Samih 'Abbas, *I'lam al-Muslim bima Ittafaqa 'Alayh al-Bukhari wa Muslim fi al-Tarhib wa al-Tarhib*. Mesir: Al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah, 1991.

Subhi al-Salih, *'Ulum al-Hadith wa Mustalahih*, c. 6. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin, 1971.

Bahasa Melayu

Amran bin Abdul Halim, *Hadith-Hadith Berkaitan Bid'ah: Analisis Terhadap Hadith-Hadith Sunan al-Sittah*. Kuala Lumpur: API, Universiti Malaya, 2007.

Budah@Udah bin Mohsin dan Jawiah binti Dakir, *Kumpulan Hadith Masyhur (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali, *Sunnah dan Bid'ah dalam Amalan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Nasirudin b. Hj Ahmad, *Analisis Asas Pembahagian Sunnah kepada Tasyri'yyah dan Ghayr Tasyri'yyah*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, API, Universiti Malaya, 2005.

A Ismailbdullah dan Shayuthy Abd Manas, "Dawabit Ma'rifah al-Wad' fi Matn al-Hadith al-Nabawi. Al- Manar al-Munif Ibn Qayyim al-Jawziyyah Namudhajan," *Junal Usuluddin* 19 (Julai 2004).